

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	7/1/2011

Nik Aziz anggap pertemuan dengan Agong selesai



KOTA BHARU 6 Jan. - Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat (gambar) enggan mengulas sama ada pertemuan dengan Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Mizan Zainal Abidin di ibu negara baru-baru ini yang turut dihadiri Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak menimbulkan rasa kecil hati di kalangan pemimpin pakatan pembangkang lain.

Beliau yang ditemui hari ini sebaliknya menyifatkan perkara tersebut telah selesai dan tidak perlu dibincangkan lagi.

"Tak ada dah, tutup 'book' (buku)

dah," katanya kepada pemberita selepas melancarkan kenderaan perdagangan baru Isuzu N-Series di Kampung Tapang, di sini hari ini.

Kelmarin, Nik Abdul Aziz menjelaskan, pertemuan beliau dengan Tuanku Mizan tiada kaitan dengan isu politik.

Menteri Besar Kelantan itu berkata, pemergiannya adalah bagi menjunjung perintah baginda yang menyampaikan titah melalui Tun Abdullah Ahmad Badawi ketika bekas Perdana Menteri itu melawatnya ketika beliau dirawat di Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM) di

sini, bulan lalu.

Rentetan pertemuan tersebut menyebabkan persoalan mengenai kerajaan perpaduan kembali menjadi bualan banyak pihak termasuk di laman blog dan di Internet apabila Nik Abdul Aziz menerima kunjungan Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang dan Setiausaha Agung parti, Datuk Mustafa Ali di kediaman rasminya di sini, dua hari lepas.

Desas-desus mengenai kerajaan perpaduan itu menarik perhatian banyak pihak kerana rekod sebelum ini menunjukkan Abdul Hadi akan hanya datang untuk bertemu secara

peribadi dengan Nik Abdul Aziz di Kota Bharu jika timbul isu-isu besar seperti isu kerajaan perpaduan kira-kira dua tahun lalu.

Begitu juga dengan isu Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK) yang membabitkan menantu Nik Abdul Aziz, Abdul Ariffahmi Ab. Rahman.

Idea kerajaan perpaduan pernah dikemukakan sebelum ini tetapi senyap seketika apabila mendapat bantahan pihak tertentu termasuk Nik Abdul Aziz sendiri, tetapi ia timbul semula dalam Muktamar Pas Ke-53 pada Jun 2009.